

Pinda akta, undang-undang selaras perubahan teknologi



Teknologi semakin pesat, namun perubahan aspek undang-undang negara masih perlahan. Ada antaranya diwarisi sejak zaman penjajah British, sehingga kebergantungan dalam konteks perundangan semasa makin tidak relevan. Wartawan BH, JUNITA MAT RASID, menemubual Dekan Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Nazura Abdul Manap, mendalami sejauh mana cabaran dihadapi bidang perundangan negara dalam konteks undang-undang lapuk, agar kekal relevan dalam perkembangan semasa.

S: Boleh Prof terangkan kedudukan isu undang-undang lapuk di negara ini?

J: Undang-undang di mana sekali pun termasuk Malaysia melalui proses evolusi, maksudnya berubah secara perlahan. Berbeza dengan teknologi, ia bersifat revolusi iaitu berubah dengan cepat, contohnya seperti Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0). Itu cabaran kita, kerana undang-undang agak terbelakang berbanding perubahan teknologi, terutama di negara sedang membangun.

Di negara maju yang sentiasa kuat desakan rakyat, undang-undang mereka lebih ke hadapan. Jika tiada perubahan, rakyat dan industri akan marah. Jadi mereka kena bagi contoh baik, sebab itu negara maju sentiasa cepat membuat perubahan undang-undang.

S: Boleh Prof beri contoh impak undang-undang lapuk kepada amalan perundangan hari ini?

J: Di Malaysia, apabila undang-undang lapuk bukan maksudnya terus tidak boleh digunakan, sebaliknya akan ada lompong dan kekurangan menyebabkan ia sukar digunakan. Banyak contoh seperti dalam Seksyen 378 dan 415 Kanun Keseksanan berkaitan penipuan, yang sudah tidak lengkap dan boleh diubah. Contohnya Seksyen 378 mengenai barang dicuri ditatrickan sebagai harga ketara iaitu harta yang nampak. Bagaimanapun dengan kes curi data, ia bukan harta yang nampak. Di situ ada masalah.

Ada kes pada awal 1990-an dulu berdepan kesukaran kerana peruntukan undang-undang sedia ada tidak membolehkan individu didakwa mengikut Seksyen 378, kerana menyebabkan kesalahan kecurian melalui sistem komputer.

Seksyen 415 pula menetapkan syarat sukar iaitu mesti ada unsur perdaya yang membabitkan individu tertentu. Bagi kes godam yang membabitkan mesin seperti wang dalam ATM (mesin jurawang wang automatik), ada lompong. Apabila penggunaan peruntukan tidak sesuai dari segi teknologi, ia boleh dikatakan lapuk. Ini juga perlu ubah.

S: Bercakap soal lompong dalam undang-undang, apa kesannya kepada pendakwaan?

J: Kita ambil contoh Seksyen 3 Akta Jenayah Komputer 1997 mengenai capaian tanpa kuasa kepada bahan komputer. Hendak buktikan aktiviti godam kena ada capaian kuasa. Yang tidak berapa tepat ialah dalam Seksyen 4 iaitu yang tiada kuasa untuk melakukan kesalahan iaitu godam untuk curi duit. Maksud di sini had perbuatan mencuri dalam talian perlu ada orang yang tidak mempunyai akses komputer. Kalau dia masuk ke laman web yang dibenarkan dan mencuri, maknanya tidak boleh disabitkan kesalahan.

Kelemahannya, orang itu tiada akses atau melebihi akses diberikan. Contohnya dalam laman web, saya bagi login dan letakkan semua maklumat. Saya bagi login dan membenarkan seseorang itu mengambil maklumat tertentu, tetapi dia mengambil semua maklumat. Itu juga bermaksud tidak dibenarkan. Boleh ada akses, tetapi kalau melebihi bidang ditetapkan, ia sudah dikira tiada kebenaran. Kita memerlukan peruntukan undang-undang lebih terperinci.

Akta Jenayah Komputer 1997 ini tidak menyeluruh dan sepatutnya sudah tiba masa ia disemak se-

mula. Akta ini berkaitan penyalahgunaan komputer untuk tujuan melakukan jenayah.

Di bawah akta ini, akses secara tidak sah atau mengubah apa-apa program atau data dalam sesebuah komputer adalah salah dan boleh dikenakan hukuman. Ia lebih kepada kesalahan menggodam sistem komputer. Apa salahnya kita bialki akta ini dengan turut membabitkan harta tidak nampak.

S: Adakah undang-undang kita sudah menyeluruh, khususnya dalam konteks berkaitan teknologi?

J: Kita ada semua undang-undang, tetapi tidak ada dalam satu tempat. Kita perlu tambahan peruntukan supaya orang yang menggunakan teknologi dikenakan tindakan apabila melakukan jenayah. Pada masa ini pihak pendakwaan menggunakan pelbagai akta bagi membolehkan kes itu 'sangkut'. Kita tiada yang khusus.

S: Merujuk pelanggaran undang-undang melalui media sosial, sejauh mana ia dipantau dari segi perundangan?

J: Saya setuju berlaku banyak pelanggaran undang-undang sebab itu timbul inspirasi penghasilan Akta Antiberita Tidak Benar 2018,

tetapi akhirnya ia dimansuhkan. Walaupun ia dikatakan berkaitan politik, bagi saya kita tak boleh lihat dari sudut itu, sebaliknya perlu dilihat secara keseluruhan. Sebab itu banyak negara lain ada undang-undang seperti ini untuk mengawal netizen supaya lebih bertanggungjawab dan tidak menyebabkan sesuatu yang boleh menjejaskan keselamatan. Contohnya seperti kisah lama yang tular semula sehingga menimbulkan panik dan menjejaskan ketenteraman.

Kita memerlukan undang-undang seperti ini, namun pelaksanaannya perlu telus dan betul. Sebenarnya bukan akta yang tidak betul, sebaliknya penguatkuasaan penting dan tiada pilih kasih, dengan sesiapa sahaja boleh dilakukan tindakan tanpa mengira fahaman politik berbeza. Kita tidak mahu perkara tidak tepat disebarkan sehingga mengugut keselamatan dan ketenteraman.

Kita tidak boleh hanya bergantung kepada Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang agak pyah sebab lebih kepada spesifik. Netizen di media sosial memang terdedah pelanggaran undang-undang. Kesalahan dibuat setiap hari, tetapi kita kena tengok kesalahan besar yang memberi ancaman ke-

Soal Jawab

